



15 Mac 2016
15 March 2016
P.U. (A) 65

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2016

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 3) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Kelantan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 16 Mac 2016.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [*P.U. (A) 401/1989*] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Kelantan Darul Naim”—

(a) dengan menggantikan butiran 31 dengan butiran yang berikut:

“31. (*Laluan 209*): *Jalan Pasir Hor – Wakaf Che Yeh*

Dari persimpangannya dengan Laluan 8, Jalan Kota Bharu-Gua Musang di koordinat U 6.077016, T 102.238550 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 131, Jalan Kubang Kerian-Sabak di koordinat U 6.101706, T 102.280262 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 13: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Kelantan (jarak sepanjang 5.66 km).”;

(b) dengan memasukkan selepas butiran 39 dengan butiran yang berikut:

“40. (*Laluan 483*): *Jalan Pintasan Pasir Mas*

Dari persimpangannya dengan Laluan 3, Jalan Kota Bharu-Rantau Panjang di koordinat U 6.027264, T 102.126336 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan D25, Jalan Meranti di koordinat U 6.060576, T 102.137036 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 14: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Kelantan (jarak sepanjang 5.20 km).”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas PETA 12: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI KELANTAN peta yang berikut:

“PETA 13 : JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI KELANTAN

